

Festival EthDance 4-5 November ini

BINTULU: Festival Tarian Kreatif Etnik Borneo (EthDance) 2023 bakal diadakan di Dewan Sri Kenyalang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini pada 4 dan 5 November depan.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, festival sempena Pesta Konvokesyen UPM ke-47 itu dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP).

“EthDance 2023 merupakan salah satu daripada

lima program yang telah dirangka di bawah Semarak Belia Sarawak yang berbentuk pertandingan tarian,” katanya.

Ujar kenyataan itu, festival tersebut akan menampilkan budaya dan kesenian masyarakat yang ada di kepulauan Borneo sekali gus mengetengahkan bakat golongan belia dalam seni persembahan tarian etnik Borneo.

“Program ini juga sebagai platform memperkenalkan seni dan budaya di Borneo ke persada antarabangsa.

“Penganjuran EthDance 2023 ini diharapkan mampu mempromosikan budaya dan kesenian etnik serta membantu menyerlahkan Sarawak dan khususnya Bintulu sebagai destinasi pelancongan memandangkan penyertaan turut terbuka kepada peserta luar negara seperti Indonesia dan Brunei Darussalam”, katanya lagi.

Difahamkan, pertandingan tarian itu akan menawarkan hadiah berupa wang tunai, trofi dan sijil penyertaan kepada pemenang.